

Pakar kanser UPM menang anugerah saintis di UK

Saintis Malaysia, Dr V Abhimanyu, meraih Anugerah Saintis Komunikasi Terbaik Dunia pada pertandingan akhir FameLab Antarabangsa 2016 di Festival Sains Cheltenham, United Kingdom (UK), minggu lalu.

Dr Abhimanyu, dari Jabatan Sains Bioperubatan Universiti Putra Malaysia (UPM) memukau penonton dan juri membentangkan fakta padat berkaitan sel kanser genetik dalam tempoh tiga minit.

Pertandingan FameLab adalah antara pertandingan sains terbesar dunia yang menggalakkan saintis, ahli teknologi, jurutera dan pakar matematik berkongsi kepakaran dan pengetahuan dalam bahasa yang mudah difahami oleh orang awam dalam masa tiga minit.

Dr Abhimanyu yang juga Pengerusi Jaringan Saintis Muda, Akademi Sains Malaysia berkata, pertandingan itu menitik beratkan cara komunikasi seorang saintis dalam menerangkan hasil kajian.

Pilih bidang kepakaran

"Saintis diberi kelonggaran untuk memilih apa saja topik yang mahu mereka bentangkan dan kebanyakannya memilih bidang kepakaran masing-masing.

"Bidang kepakaran saya adalah berkaitan penyakit kanser dan saya memilih tajuk berdasarkan tajuk kajian dan jurnal yang pernah dilakukan sebelum ini," katanya.

Dr Abhimanyu, 37, berkata, beliau dipilih menyertai festival itu selepas muncul juara peringkat kebangsaan.

"Sebagai pakar dalam bidang kanser genetik, masa tiga minit untuk menerangkan kepada orang awam itu adalah sesuatu yang sukar kerana saya mempunyai banyak maklumat untuk dikongsi. Saya perlu bijak untuk memadatkan maklumat supaya ia jelas dan mudah difahami oleh penonton.

"Juri pula begitu hebat dan peserta perlu bijak menjawab soalan yang diajukan oleh mereka," katanya.

Pada pertandingan akhir itu, Dr Abhimanyu memakai t-shirt hitam yang dilakarkan dengan bentuk organ manusia untuk memudahkan penonton memahami apa yang disampaikannya.

Dr Abhimanyu